

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 MAC 2023
AKHBAR : METRO AHAD
MUKA SURAT : 10

Meta latih percuma pencipta kandungan

Kuala Lumpur: Meta yang sebelum ini dikenali sebagai Facebook Inc telah melancarkan The Meta Creator Academy di Malaysia (Akademi Pempengaruh Sosial Meta) yang disokong oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) untuk menyediakan latihan dan sokongan percuma untuk pencipta kandungan (*content creator*) bercita-cita tinggi.

Pengarah Negara Meta Malaysia Nicole Tan berkata akademi itu memberi peluang kepada pencipta kandungan untuk belajar daripada rakan setara yang berjaya di Malaysia.

"Kami mendengar daripada beberapa pencipta kandungan bahawa mereka mahu dihubungkan dengan lebih banyak peralatan dan kemahiran.

"Menerusi akademi ini, pencipta kandungan boleh membuat rangkaian dan mempelajari amalan terbaik mengenai cara menggunakan alat dan produk pencipta kandungan Facebook dan Instagram untuk menambah penonton dan pengikut, menyampaikan

NICOLE bersama Siva (kiri) and Philip pada majlis pelancaran Akademi Pempengaruh Sosial Meta. - Gambar NSTPSYAIFUL RAZIQ



cerita dengan lebih baik dan membina jenama mereka sendiri serta menjadi sebahagian daripada ekonomi yang semakin berkembang pesat," katanya pada pelancaran akademi itu di sini, kelmarin.

Acara itu mengumpulkan 120 pencipta kandungan berpengalaman yang mewakili pelbagai genre termasuk makanan, fesyen dan gaya hidup, muzik serta format baharu muncul seperti realiti tambahan (AR) dan ko-

leksi digital.

Tan berkata, menurut kajian Meta, Malaysia adalah antara pengguna digital tertinggi di Asia Tenggara iaitu 99 peratus dan mempunyai bilangan pencipta kandungan terbesar di rantau ini

iaitu 17 peratus.

Sementara itu, Pengarah Dasar Awam Instagram, Asia Pasifik (Apac) di Meta, Philip Chua berkata, akademi itu bukan sahaja menyediakan pelbagai peluang kepada pencipta kandungan bekerjasama dengan jenama terkenal di Malaysia tetapi juga membolehkan peminat (pengikut) mereka membeli perkhidmatan atau item, melanggan atau memberi ganjaran kepada pencipta kandungan yang mereka sukai dari seluruh dunia.

"Jika anda pergi ke akaun pencipta kandungan iklan kami di Instagram atau [creators.instagram.com](https://www.instagram.com/creators.instagram.com), anda akan menemui amalan, nasihat dan maklumat terbaik yang datang bukan sahaja daripada sudut pandangan kami tetapi juga orang yang bekerja di Instagram dan Facebook.

"Kami sangat teruja mengumpulkan lebih banyak cerita dari Malaysia serta mempamerkan budaya Malaysia kepada seluruh dunia dan sebaliknya," kata Chua.

Sementara itu, Ketua Pegawai Pelaburan Digital MDEC Raymond Siva berkata akademi itu menyokong pencipta kandungan Malaysia terutama golongan Generasi Z atau Gen-Z (mereka yang lahir antara tahun pertengahan 1990-an sehingga awal 2000-an) dengan cara formal atau terusun mengenai cara mereka boleh menyampaikan kandungan di media sosial.

Beliau berkata, setakat tahun lalu, ekonomi digital menyumbang 23.2 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan dijangka menyumbang 25.5 peratus daripada KDNK menjelang 2025 di bawah Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia.

"Ini didorong oleh e-dagang yang menjual secara *live* (secara langsung) dengan pesat sejak dua tahun lalu dan kini kita melihat ekonomi pencipta kandungan menggunakan kaedah berkenaan dan dipengaruhi olehnya dalam urusan niaga perdagangan," katanya.